

KUTKM anjur karnival kesenian

Archival News | Berita Harian | 16/01/2004

MAJLIS Perwakilan Pelajar dan Kelab Kebudayaan dengan kerjasama Pejabat Hal-Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menganjurkan Karnival Kesenian dan Kebudayaan KUTKM (4K-III) di Dewan Bestari, Ayer Keroh, Melaka, hari ini.

Rektornya, Prof Datuk Dr Mohd Ruddin Ab Ghani, berkata sebanyak 17 persembahan kesenian dan kebudayaan diadakan sepanjang karnival bertema Budaya Majmuk Indah Seni itu.


"Antaranya persembahan kugiran, tarian etnik, nasyid, deklamasi puisi dan demonstrasi silat. Karnival ini diadakan bagi memelihara warisan seni budaya sebagai lambang perpaduan dan kemakmuran masyarakat berbilang kaum.

"Program ini bertujuan mencungkil bakat baru di kalangan pelajar, di samping memupuk sifat kepemimpinan, jati diri serta perpaduan kaum.

"Sebahagian hasil jualan tiket karnival ini akan disumbangkan kepada Tabung Mangsa Gempa Bumi Iran dan anak yatim di sekitar Melaka," katanya.

Sempena karnival itu, beliau berkata, logo rasmi Kelab Kebudayaan KUTKM juga akan dilancarkan oleh isteri Ketua Menteri Melaka, Datin Seri Asmah Rahman.

(END) Source : Berita Harian



جامعة تكنولوجيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA